

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 14 OGOS 2021

HARI : SABTU

SENTIMEN : POSITIF



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL COVID-19 VAKSIN

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

## Pelan strategik lima tahun perkemas PTPTN sebagai agensi tabung pendidikan

Oleh Siti Haliza Yusop - Ogos 14, 2021 @ 11:20am

bhnews@bh.com.my



Urusan kaunter PTPTN bakal bertukar kepada dalam talian. Foto Arkib NSTP

KUALA LUMPUR: Pelan Strategik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) 2021-2025 yang dilancarkan baru-baru ini, dirangka bagi mempertingkat serta menambah baik PTPTN sebagai agensi tabung pendidikan tinggi negara melalui pemberian perkhidmatan yang efektif dan berkesan kepada masyarakat.

Pelan berpaksikan lima teras strategik utama itu diselaraskan dengan pelbagai strategi bagi menetapkan hala tuju PTPTN melalui perancangan dasar, pelaksanaan program dan pembangunan bagi tempoh lima tahun akan datang.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, berkata teras pertama dalam pelan strategik itu ialah menjadikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebagai produk simpanan pendidikan

utama negara dan teras kedua, memperkasakan pengurusan pinjaman pendidikan ke arah menjadi pengurus pinjaman pendidikan yang utama dan unggul.



Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid

Selain itu, teras ketiga, menambah baik pengurusan kutipan bayaran balik pinjaman dengan lebih efektif; teras keempat, melaksanakan strategi pendanaan dan pelaburan yang mendatangkan pulangan optimum serta teras kelima, memperkasa organisasi ke arah lebih dinamik dan cemerlang.

Melalui teras strategik pertama, PTPTN katanya, akan memperkasakan SSPN dengan membudayakan pemupukan tabiat menabung dalam kalangan ibu bapa supaya ia dapat digunakan bagi tujuan pendidikan anak-anak sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan.

Ahmad Dasuki berkata, teras strategik ini akan dilaksanakan melalui pemerksaan SSPN sebagai produk simpanan pendidikan yang kompetitif dan inovatif selain menambah baik dasar sedia ada bagi meningkatkan bilangan pendeposit.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) adalah skim patuh syariah berkonseptan "Wakalah Bil Istithmar" yang diwujudkan khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi.

Di bawah SSPN terdapat dua produk iaitu SSPN-i, yang dilancarkan pada 2004 dan SSPN-i Plus (2015), iaitu produk simpanan yang ditambah baik dengan manfaat takaful yang murah dan komprehensif.

SSPN-i Plus bukan saja memiliki kadar dividen yang kompetitif malah dengan hanya menyimpan serendah RM30 sebulan, penerima manfaat akan menerima antara RM20,000 sehingga RM40,000 sekiranya pendeposit meninggal dunia, kemalangan atau menghidap penyakit kritikal mengikut syarat ditetapkan.

"Dalam masa sama PTPTN juga akan mempergiat kolaborasi strategik dengan kementerian, kerajaan negeri dan agensi lain yang bersesuaian bagi memaksimumkan strategi pemasaran digital untuk menggalakan simpanan.

"Di sebalik pelbagai cabaran dihadapi terutama ketika penularan COVID-19, PTPTN sehingga 31 Mei tahun ini mencatatkan penerimaan deposit SSPN sangat memberangsangkan iaitu RM8.99 bilion dengan lebih 4.98 juta akaun," katanya.

Ahmad Dasuki berkata, melalui teras strategik kedua, PTPTN akan memperkemas serta menambah baik polisi melalui pemberian pinjaman lebih bersasar serta menambah baik libat urus dengan peminjam sedia ada dan bakal peminjam.

"Sebagai pembiaya pendidikan tinggi utama negara, PTPTN perlu bertindak selari hasrat kerajaan bagi meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos operasi dan ia dapat dicapai dengan menjadi pengurus utama dalam menyediakan perkhidmatan pinjaman pendidikan di negara ini.

"Matlamat utama teras strategik kedua PTPTN ini ialah memantapkan pengurusan pinjaman pendidikan supaya ia lebih bertanggungjawab, saksama sekali gus dapat memberi hasil kepada pengurusan dana pinjaman yang lebih efisien dan dinamik," katanya.

Mengenai teras strategik ketiga, Ahmad Dasuki berkata, PTPTN akan meningkatkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk JomPAY serta platform e-dagang, Shopee, bagi memudahkan peminjam membuat pembayaran balik pinjaman secara konsisten kepada PTPTN.

Selain itu, PTPTN juga akan menambah baik sistem peringatan awal bertujuan mengurangkan hutang tertunggak peminjam selain mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap peminjam yang ingkar.

"PTPTN menawarkan pinjaman berkebajikan justeru penting memastikan masyarakat membayar semula demi kelestarian, pembangunan dan kemudahan generasi akan datang," katanya.

Menjelaskan mengenai teras strategik keempat, Ahmad Dasuki berkata, PTPTN akan melaksanakan strategi pendanaan dan pelaburan yang lebih efektif dan mampan bagi menjana lebih banyak pulangan pelaburan.

Katanya, sebagai agensi yang menyediakan skim pinjaman pendidikan tinggi dan skim simpanan pendidikan, PTPTN perlu sentiasa dinamik dan berdaya maju dalam menyediakan keperluan pelanggan.

"Apabila menerima deposit melalui SSPN, PTPTN akan memastikan ia dilaburkan melalui pelaburan menguntungkan sekali gus membolehkan pendeposit secara konsisten menerima dividen empat peratus sejak enam tahun yang lalu.

"Dalam masa sama, apabila membuat pembiayaan daripada bank, PTPTN akan mencari institusi perbankan yang menawarkan faedah paling rendah bagi mengurangkan bebanan kerajaan supaya PTPTN boleh terus memberi faedah pinjaman pada kadar satu peratus kepada pelajar," katanya.

Ahmad Dasuki berkata, melalui teras strategik kelima, PTPTN akan diperkasa ke arah lebih dinamik dan cemerlang melalui pengubahsuaian imej, budaya dan proses kerja yang lebih baik.

Beliau berkata, langkah ini bertujuan menjadikan PTPTN sebuah organisasi yang berdaya saing dan lestari seterusnya melahirkan warga kerja yang cemerlang, kompeten dan proaktif dalam menyumbang kepada kejayaan organisasi.

Antara langkah diambil bagi penjenamaan imej PTPTN termasuk mengamalkan pendekatan lebih strategik dan holistik terhadap aspek pemasaran dan komunikasi serta meningkatkan adaptasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

"Ini termasuk memperkenalkan penggunaan pelbagai teknologi terkini dan pendigitalan PTPTN.

"Buat pertama kalinya, PTPTN akan memiliki aplikasi pertama bagi memudahkan pelbagai urusan termasuk permohonan dan pembayaran pinjaman PTPTN dibuat hanya di hujung hari sahaja," katanya.

Menurut Ahmad Dasuki, Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 ini merupakan dokumen pengurusan strategik yang direncanakan selari dasar Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

Beliau berkata, sebagai tabung pendidikan utama negara, PTPTN tidak ketinggalan menyahut agenda transformasi supaya kekal relevan dan berdaya saing dalam memperkasa sektor pendidikan dan memenuhi keperluan masyarakat dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Katanya, ia juga amat penting dalam mempertingkatkan profesionalisme, integriti serta semangat daya saing dalam kalangan warga PTPTN bagi mencapai objektif yang sama.

Hala tuju pelan strategik ini katanya turut menitik berat nilai bersama yang perlu dihayati dan diamalkan seluruh warganya, iaitu Profesionalisme (P); Tadbir Urus Strategik & Berintegriti (T); Pelanggan Diutamakan (P); Tepat dan Cekap (T) dan Nilai Tambah (N)

"Untuk itu, PTPTN akan memastikan pelan strategik ini sentiasa progresif, responsif serta bersifat dinamik.

"Tujuannya bagi merealisasikan visi dan misi PTPTN menjadi peneraju tabung pendidikan tinggi negara serta menguruskan dana simpanan dan pinjaman secara efektif berlandaskan tadbir urus cemerlang, berintegriti dan strategik.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851104/pelan-strategik-lima-tahun-perkemas-ptptn-sebagai-agensi-tabung>